

# PTPTN: Bersyukur kerajaan prihatin hal pendidikan

um 21/05/2012 31

KOTA KINABALU 20 Mei - Semua pihak terutama para pelajar perlu bersyukur kerana kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang banyak untuk kebajikan dan kepentingan sektor pendidikan, bermula dengan prasekolah, sekolah rendah, menengah hinggalah pusat pengajian tinggi.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, secara khususnya untuk membiayai pengajian peringkat lebih tinggi kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang banyak membantu para pelajar terutama yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah.

"Sebelum PTPTN diwujudkan, pelajar-pelajar yang berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi hanya dalam 27,000

orang pada pertengahan 90-an. Dengan kewujudan PTPTN, ia membolehkan seramai 227,000 pelajar melanjutkan pengajian ke universiti," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena majlis penyerahan Wang Pendahuluan Pembiayaan PTPTN di Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah di sini semalam.

Hadir sama Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon.

Tambah Musa, inilah bukti keprihatinan kerajaan membela semua golongan masyarakat termasuk golongan belia dan pelajar iaitu dengan pembiayaan PTPTN ibu bapa yang dahulunya terpaksa menjual tanah, rumah atau meminjam dari bank, kini tidak lagi perlu risau dengan soal itu.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, sa-

ya menghargai usaha murni PTPTN memastikan pembiayaan efisien disediakan kepada siswa dan siswi yang layak mengikuti pengajian di pusat pengajian tinggi kerana ia selaras dengan dasar kerajaan untuk membolehkan setiap pelajar meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti," katanya.

Kepada mahasiswa, Musa mengingatkan mereka supaya memanfaatkan sepenuhnya peluang memasuki universiti untuk menjadi siswazah cemerlang dalam bidang pengajian yang dipilih.

"Universiti adalah gedung ilmu yang berperanan sebagai landasan untuk membentuk dan mengeluarkan graduan berkualiti dan bernilai tinggi bagi menjana kecemerlangan dan kegemilangan agama, bangsa dan negara," katanya.



**MUSA Aman menyerahkan wang pendahuluan pembiayaan PTPTN kepada seorang pelajar sambil disaksikan Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon (dua dari kiri) di Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah di Kota Kinabalu, kelmarin.**